



03 OCT, 2025

Tambah inisiatif ke arah Sifar Bersih

Kosmo, Malaysia



Tambah inisiatif ke arah Sifar Bersih

PETALING JAYA – Kerajaan disarankan supaya menjadikan Bajet 2026 sebagai titik tolak penting dalam usaha negara mencapai sasaran Sifar Bersih menjelang 2050 bagi memastikan perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kompetitif dalam landskap ekonomi global yang menuntut kelestarian.

Presiden Negara untuk Malaysia, Schneider Electric, Eugene Quah berkata, tinjauan jurang impak hijau, yang dijalankan pihaknya bersama 500 pemimpin perniagaan Malaysia baru-baru ini mendedahkan kedua-dua kemajuan dan halangan yang berterusan.

Jelasnya, perkara positif daripada tinjauan itu adalah 93 peratus syarikat telah menetapkan matlamat kemampanan, manakala 45 peratus berjaya menterjemahkannya ke dalam tindakan strategi.

“Bagaimanapun, perniagaan menyebut ketidaktentuan ekonomi, kekangan belanjawan, insentif yang lemah dan dasar yang tidak konsisten adalah halangan paling mendesak.

“Bagi PKS, cabarannya amat ketara dan ramai yang tidak mempunyai akses kepada pembiayaan hijau atau pinjaman berkaitan ESG (alam sekitar,

sosial dan tadbir urus) serta sering bergantung kepada vendor luar untuk mendapatkan kepakaran.

“Untuk memenuhi matlamat tersebut, Malaysia bukan sahaja perlu meningkatkan kesedaran tentang inisiatif semasa tetapi juga menjadikannya boleh diakses secara adil merentas industri dan saiz perniagaan yang berbeza,” katanya dalam kenyataan.

Beliau turut memuji langkah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air yang bakal mengeluarkan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional (NEEAP) 2.0 menjelang akhir tahun, selain pengenalan Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga serta kenaikan tarif air dan tenaga yang disifatkannya sebagai tepat pada masanya.

“Bagaimanapun, tarif yang lebih tinggi dan sasaran kecekapan yang lebih ketat akan menambah tekanan kepada pengendali yang sudah bergelut dengan peningkatan kos.

“Bagaimanapun, kami mengharapkan peruntukan dana dan inisiatif baharu diumumkan untuk membolehkan peniaga mengaplikasikan teknologi serta strategi untuk menghadapi kenaikan kos,” ujarnya.